

## PERPUSTAKAAN PENGAJIAN ASIA TIMUR : PENGENALAN POLISI PEMBANGUNAN KOLEKSI

Perpustakaan Pengajian Asia Timur, yang bermula sebagai Koleksi Tionghua, ditubuhkan pada bulan Mei 1961 di University of Malaya di Singapura. Apabila University of Malaya dibahagikan kepada University of Malaya, Bahagian Singapura dan University of Malaya, Bahagian Kuala Lumpur, Koleksi Tionghua turut dibahagikan dan hanya bahan-bahan duplikat dipindahkan ke Bahagian Kuala Lumpur. Koleksi ini bermula dengan 8,000 naskhah. Namanya ditukar kepada Perpustakaan Pengajian Asia Timur pada 1982. Bidang tugasnya diluaskan untuk mengumpul bahan-bahan dalam bahasa Jepun dan Korea selain daripada bahan-bahan dalam bahasa Cina.

Pada mulanya, ia hanya mengumpul koleksi untuk memenuhi keperluan Jabatan Pengajian Tionghua yang merangkumi subjek-subjek berikut : Bahasa Cina, Klasik Cina, Kebudayaan Cina, Kesusasteraan Cina, Agama, Falsafah Cina, Kesenian Cina, Sosial, Politik dan Sejarah. Kini, rancangan untuk mewujudkan Pengajian Asia Timur sebagai satu bidang pengajian di Universiti Malaya bermakna koleksi yang ada perlu diperluaskan lagi dari segi skop dan jenis bahan. Jelaslah koleksi Perpustakaan Pengajian Asia Timur harus meliputi bahan-bahan yang 'multidisciplinary', yang mempunyai kaitan dengan semua aspek perkembangan di rantau Asia Timur. Dalam konteks ini, satu polisi harus digubal untuk menyelenggarakan kerja-kerja pembangunan koleksi.

### **Tujuan dan Objektif**

Polisi pembangunan koleksi Perpustakaan Pengajian Asia Timur ini bertujuan memberi satu garis panduan dan menyatakan dengan jelas prinsip-prinsip pembangunan koleksi, perlaksanaan proses pemilihan dan perolehan bahan-bahan bacaan demi mengekalkan keselarasan dan ketetapan koleksi Perpustakaan Pengajian Asia Timur. Ianya bukan sahaja dapat memastikan pembangunan koleksi yang menyokong keperluan akademik, khususnya pengajian bahasa Tionghua, Jepun dan Korea serta perkembangan intelek, malah dapat menyediakan kriteria pemilihan bagi kakitangan yang bertanggungjawab untuk pemilihan dan perolehan koleksi.

### **Tanggungjawab Pembangunan Koleksi**

Dalam konteks ini, ia memerlukan kerjasama daripada semua pihak untuk menjayakan objektif Perpustakaan Pengajian Asia Timur. Dengan ini,

kakitangan akademik, kakitangan am, pelajar dan orang luar digalakkan memberi sumbangan dan sokongan mereka dalam pembangunan koleksi perpustakaan ini. Perpustakaan akan bekerjasama dan berhubung rapat dengan Jabatan Pengajian Tionghua bagi menambah dan mengukuhkan lagi koleksi dalam bidang-bidang tertentu.

Kakitangan akademik dapat melicinkan prosedur pembangunan koleksi dengan bekerjasama dengan pustakawan Perpustakaan Pengajian Asia Timur untuk memilih bahan bacaan yang bersesuaian dengan disiplin mereka supaya satu koleksi yang sempurna dan mendalam yang merangkumi semua keperluan termasuk pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pengetahuan am dapat dicapai. Di samping itu, mereka juga perlu mengambil kira keperluan koleksi yang amat khusus dan koleksi bercorak umum.

Peranan pustakawan ialah untuk memastikan bahawa bahan-bahan yang diperolehi adalah bahan-bahan baru untuk mengelakkan duplikasi; membantu kakitangan akademik dalam proses pemilihan bahan-bahan bacaan dengan pembekalan katalog buku, bibliografi dan sebagainya; mengelakkan duplikasi; dan mengadakan mesyuarat formal dan informal secara berkala dengan ketua atau kakitangan akademik untuk bertukar-tukar maklumat berkenaan dengan perkembangan kurikula pengajian, keperluan perkembangan perpustakaan seperti perlaksanaan perkhidmatan baru, perkembangan dan pembaharuan polisi dan aktiviti baru.

### **Pengguna Sasaran**

Adalah mustahak bahawa polisi ini bertunjangkan kepada pengguna yang akan memperolehi manfaat daripada kemudahan dan perkhidmatannya. Dalam hubungan ini, Perpustakaan ini akan memberi perkhidmatan terutamanya kepada pengguna-pengguna yang terdiri daripada penyelidik profesional, kakitangan akademik, pelajar sarjana muda dan pelajar sarjana dari Jabatan Pengajian Tionghua, Universiti Malaya. Perpustakaan ini juga memberi perkhidmatan kepada pengguna-pengguna lain di Universiti Malaya yang bukan dari Jabatan Pengajian Tionghua tetapi mempunyai minat dan pengetahuan untuk menggunakan koleksi ini. Perkhidmatan juga akan diberi kepada orang luar atau institusi-institusi lain dengan syarat-syarat yang berkuatkuasa di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.

## Peringkat Koleksi

Koleksi Perpustakaan Pengajian Asia Timur akan merangkumi semua peringkat termasuk peringkat kesempurnaan, peringkat penyelidikan, peringkat asas dan peringkat pembelajaran. Peringkat kesempurnaan merupakan koleksi lengkap dan sempurna merangkumi semua karya dalam sesuatu bidang yang meliputi semua format koleksi. Peringkat penyelidikan adalah koleksi yang menyokong kerja-kerja penyelidikan untuk ijazah sarjana dan kedoktoran. Koleksi ini termasuk di antaranya tesis, latihan ilmiah dan laporan penyelidikan. Peringkat asas pula merupakan koleksi am atau rujukan bertujuan memberi satu gambaran mengenai sesuatu subjek atau bidang. Contohnya termasuk kamus, ensiklopedia, kajiselidik, bibliografi dan sebagainya. Peringkat pembelajaran merupakan koleksi yang menyokong kursus-kursus sarjana muda dan sarjana yang merangkumi monograf dan majalah.

### Format koleksi

Format-format koleksi yang harus dibina juga ditentukan oleh polisi yang mana format yang dimaksudkan termasuk buku, bahan bersiri, penerbitan kerajaan, tesis, disertasi dan latihan ilmiah, mikrofom, pangkalan data CD-ROM, kertas-kertas kerja persidangan, manuskrip dan buku-buku nadir, risalah dan surat sebaran.

Bagi buku, buku berkulit keras akan dipilih daripada buku berkulit lembut. Tambahan pula, jika terdapat pilihan, penjilidan yang berkualiti dan tahan lama akan dipilih. Juga, edisi terbaru akan dipilih melainkan edisi awal mempunyai maklumat berunsur sejarah atau mempunyai maklumat yang tidak terdapat dalam edisi baru. Bahan bersiri seperti majalah dan buku bersiri hanya dibeli atau diterima sebagai hadiah untuk membekal maklumat terbaru bagi menyokong pengajaran dan penyelidikan Pengajian Tionghua, Jepun dan Korea. Pembinaan koleksi ini bergantung kepada harga langganan, kebolehdapatan tajuk-tajuk majalah dan peruntukan perbelanjaan.

Bagi penerbitan kerajaan, hanya penerbitan dalam teks bahasa Cina akan dikumpul, dikatalog dan disimpan sebagai koleksi Malaysiana. Tesis, disertasi dan latihan ilmiah dalam teks bahasa Cina pula akan dikumpul daripada Jabatan Pengajian Tionghua dan disimpan sebagai koleksi Malaysiana. Tesis, disertasi dan latihan ilmiah berbahasa Cina dalam bentuk mikrofis, salinan atau reproduksi dari institut pengajian tinggi lain sama ada tempatan

atau luar negeri akan dibeli atau diperolehi melalui pertukaran atau diterima sebagai hadiah.

Koleksi mikrofom pula akan meliputi penerbitan luar negeri dalam bentuk mikrofom, kertas-kertas kerja persidangan, bahan-bahan yang tidak ada dalam pasaran, tesis dan majalah lama. Pangkalan Data CD-ROM merupakan koleksi yang memberi maklumat bibliografi dan abstrak dalam berbagai aspek yang menyokong bidang-bidang pengajaran bahasa Tionghua, Jepun dan Korea. Kualiti, harga dan kekinian maklumat merupakan faktor-faktor utama untuk dipertimbangkan.

Selain daripada itu, kertas-kertas kerja yang disampaikan dalam persidangan, seminar, kongres, bengkel, dialog, perbicaraan dan lain-lain dalam negeri akan dikumpul atau dibeli, diindeks dan dikatalogkan. Manuskrip, arkib dan buku-buku nadir tidak akan dibeli melainkan permintaan yang amat tinggi bagi bahan-bahan tersebut. Ini juga terpulang kepada ciri kebolehdapatan. Dalam keadaan biasa, format ini diterima sebagai hadiah.

Perpustakaan Pengajian Asia Timur juga berhasrat mengumpul risalah dan surat sebaran. Bagaimanapun, bahan-bahan ini akan disemak dengan teliti dan mana-mana yang membawa maklumat mengeliru atau terpesong akan dibuang.

Perpustakaan ini juga berusaha mengekalkan koleksi rujukan yang terdiri daripada abstrak, indeks, ensiklopedia, kamus, buku panduan, rekod tahunan, almanak, takwim untuk menyokong pengajaran bahasa Tionghua, Jepun dan Korea. Koleksi ini hendaklah dikemaskinikan supaya maklumat didalamnya baru serta terkini.

Bahan-bahan berbahasa asing tidak akan dibeli selain bahan-bahan dalam bahasa Tionghua, Jepun dan Korea. Bahan-bahan dwibahasa atau berbilang bahasa akan dibeli atau diterima sebagai hadiah jika salah satu daripada bahasanya merupakan bahasa Tionghua, Jepun atau Korea dan bahasa yang satu lagi adalah bahasa Inggeris atau Melayu. Bahan-bahan dwibahasa yang mempunyai bahasa selain daripada bahasa Inggeris dan Melayu hanya akan dibeli jika ia merupakan terjemahan dan bahasa Cina, Jepun atau Korea juga diperuntukkan.

### Bilangan Naskhah

Jumlah naskhah yang harus dibekalkan mengikut format bahan juga ditentukan oleh polisi ini. Bagi buku, setiap tajuk akan mempunyai satu naskhah melainkan permintaan daripada pengguna adalah

tinggi. Bagi Malaysiana, tiga atau empat naskhah akan disediakan di mana salah satu disimpan dalam bahagian tertutup, yang lain dalam rak terbuka atau salah satu daripadanya disimpan dalam bahagian tanda merah, tertakluk kepada permintaan pengguna.

Bagi majalah dan buku bersiri, hanya satu naskhah sahaja akan dilanggani memandangkan harganya yang mahal. Sebaliknya, bagi Malaysiana, dua hingga empat naskhah akan disediakan. Bagi penerbitan kerajaan, empat naskhah akan dipinta. Bagi tesis, disertasi dan latihan ilmiah dari Universiti Malaya, satu naskhah dalam bentuk cetak dan satu lagi dalam bentuk mikrofis akan disediakan. Bagi tesis dan disertasi dari pusat pengajian tinggi yang lain, sama ada dalam atau luar negeri, satu salinan dalam bentuk mikrofis atau fotokopi akan diperolehi terpulang kepada format yang sedia ada dalam pasaran. Bagi kertas-kertas kerja persidangan, seminar, kongres, bengkel, dua naskhah akan disediakan di mana salah satu akan disimpan dalam bahagian tertutup. Bagi manuskrip dan buku-buku nadir, dua naskhah dengan naskhah asal dalam bahagian tertutup dan salinan mikrofis atau mikrofilem di bahagian sirkulasi. Bagi format-format lain seperti mikrofom, pangkalan data CD-ROM, risalah dan surat sebaran, hanya satu naskhah akan disediakan melainkan koleksi rujukan Malaysiana yang akan mempunyai dua atau tiga naskhah.

### Kekinian Koleksi

Apabila tarikh penerbitan diambilkira, polisi ini mengkhusus kepada penerbitan terbaru melainkan bagi bidang sejarah.

### Hadiah dan Pertukaran

Hadiah dan dermaan dalam semua bentuk format akan diterima sebagai tambahan kepada koleksi. Perpustakaan Pengajian Asia Timur mempunyai hak untuk menolak sebarang hadiah atau dermaan secara pertukaran, pendermaan atau penjualan ke pihak lain sekiranya bahan bacaan berkenaan tidak menyumbangkan kepada misi dan objektif Perpustakaan Pengajian Asia Timur. Perpustakaan juga mempunyai hak menyingkirkan sebarang bahan bacaan yang kurang berguna sebagaimana yang difikirkan perlu.

Selain daripada itu, pustakawan juga boleh menyediakan satu senarai tajuk kepada orang-orang perseorangan atau persatuan atau agensi-agensi lain yang berhasrat menderma buku-buku yang tersenarai. Semua hadiah atau dermaan

akan diakui dan surat pengakuan akan diberi kepada penderma.

### Penempatan Koleksi

Bagi penempatan koleksi, adalah diputuskan supaya semua bahan bacaan ditempatkan di paras 4 Perpustakaan Utama melainkan bahan rujukan, pangkalan data CD-ROM dan mikrofom, yang akan ditempatkan di Bahagian Perkhidmatan Pembaca. Bagaimanapun, keputusan akhir akan dibuat oleh pustakawan Perpustakaan Pengajian Asia Timur.

### Bahan Bacaan Yang Hilang dan Penggantiannya

Apabila bahan bacaan hilang atau ditarik keluar daripada koleksi kerana lusuhan, ia tidak akan digantikan secara automatik. Penggantiannya adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria termasuk kepentingan bahan bacaan tersebut kepada koleksi; permintaan; dan kebolehdapatan. Pencarian bahan bacaan yang hilang akan dilanjutkan selama satu tahun. Jika bahan bacaan tidak dapat dikesan, maka ia akan diistiharkan sebagai 'hilang' dan penggantiannya adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang tersebut di atas. Jika permintaannya tinggi, maka naskhah baru akan dibeli dengan serta merta.

### Pilih Buang

Usaha pilih buang adalah tanggungjawab bersama antara pustakawan dan jabatan pengajian untuk mengeluarkan bahan bacaan yang kurang sesuai atau tidak berkaitan lagi. Keputusan untuk mengeluarkan bahan bacaan tersebut adalah menurut ciri-ciri berikut : rekod sirkulasi bahan; kelengkapan buku-buku bersiri; kebolehdapatan bahan untuk penggantiannya; kepentingan bahan tersebut terhadap koleksi perpustakaan; dan tahap kekinian maklumat.

Perpustakaan ini juga berusaha mengekal bentuk fizikal bahan bacaan melalui ukuran-ukuran piawaian bagi pemeliharaan dengan mengambilkira faktorfaktor suhu, kelembapan, pengawalan serangga perosak dan habuk. Sekiranya pemeliharaan dan pemuliharaan kandungan buku diperlukan lebih daripada bentuk luar fizikal buku, maka penambahan kulit buku, penjilidan dan pemikrofileman atau pembelian buku baru akan dijalankan dahulu tertakluk kepada keadaan.

### Kebebasan Intelek dan Penapisan

Pustakawan mempunyai kebebasan untuk membaca dan mengambil sesuatu tindakan atau

keputusan. Bagi penapisan, tidak ada penapisan ke atas kebenaran fakta, bahasa dan sikap seseorang pengarang semasa mengulaskan isu-isu agama, politik, sosial, ekonomi, seks, moral dan isu-isu lain. Bagaimanapun, bagi buku-buku yang diharamkan oleh kerajaan, buku-buku sedemikian tidak akan dibeli. Sekiranya terdapat dalam koleksi yang sedia ada, buku-buku ini akan dipindahalihkan ke bahagian penyimpanan khas di Perpustakaan Utama.

Pustakawan juga bertanggungjawab menyelesaikan sebarang kritik dan ancaman ke atas kebebasannya. Sewaktu menyelesaikan sesuatu kritikan, pustakawan boleh bertindak secara bertulis (yang disahkan oleh Ketua Pustakawan Universiti Melaya) atau bertemu dengan individu atau kumpulan berkenaan. Kritikan yang berulangan dan berlanjutan daripada individu atau kumpulan yang sama boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Perpustakaan.

*Polisi ini disediakan oleh Puan Emillia Zainon Ismail dan Cik Goh Bee Liam.*

## Kerjasama Antara Perpustakaan

Bagi menentukan kepelbagaiannya koleksi, perkongsian sumber-sumber dengan perpustakaan lain melalui persetujuan kerjasama dalam bentuk pinjaman antara perpustakaan akan diadakan untuk memberi manfaat kepada pengguna Perpustakaan ini.

## Penutup

Untuk memastikan polisi ini bersesuaian dengan perkembangan keperluan pengajian, penyelidikan dan pembelajaran, maka polisi pembangunan koleksi Perpustakaan Pengajian Asia Timur akan dikaji semula dari masa ke semasa sebagaimana ditentukan oleh Perpustakaan Pengajian Asia Timur. Dengan ini, Perpustakaan Pengajian Asia Timur berharap dapat membina satu koleksi yang pelbagai, sempurna dan seimbang.